

28/10/1999

Manifesto pembangkang bersifat ideologikal

Mahadzir Mohd Khir

PARTI-PARTI pembangkang nampaknya tidak mahu ketinggalan. Ahad lalu, empat parti pembangkang iaitu Pas, DAP, Parti Rakyat Malaysia (PRM) dan Parti Keadilan Nasional (Keadilan) mengadakan pertemuan di Hotel Federal, Kuala Lumpur melancarkan manifesto mereka. Manakala pada sebelah malam hari yang sama Barisan Nasional (BN) mengadakan perhimpunan raksasa bagi menyambut tahun ke-25 penubuhannya.

Majlis pelancaran manifesto Barisan Alternatif dilaporkan dihadiri 1,000 orang. Perhimpunan BN di Stadium Bukit Jalil pula dihadiri 100,000 orang. Kedua-dua kumpulan, pembangkang dan BN, cuba mempamerkan kekuatan masing-masing. Masing-masing juga menyatakan keyakinan untuk memenangi pilihan raya akan datang.

Esok, Menteri Kewangan Pertama, Tun Daim Zaidudin akan membentangkan Belanjawan 2000. Manakala pakatan empat parti pembangkang itu juga mengemukakan 'Belanjawan Alternatif'.

Nampaknya, secara perlakuan politik, masing-masing mahu memperlihatkan kemahiran mengatur strategi dalam persaingan menyediakan diri menjelang pilihan raya. Cuma, tarikh pilihan raya masih belum diketahui. Pembangkang tidak mahu terperangkap pada saat-saat akhir. Pada BN mereka memerhati secara dekat telatah pembangkang.

Sehari selepas perhimpunan raksasanya, BN mengadakan mesyuarat Dewan Tertinggi BN yang dihadiri oleh semua pemimpin parti komponennya. Majlis itu dipengerusi sendiri oleh Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Dalam sidang akhbaranya kemudian, Dr Mahathir antara lain berkata BN akan menggerakkan semua jentera pilihan raya parti-parti komponen bagi menghadapi pilihan raya. Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakub diberi tugas untuk memastikan tindakan itu dilaksanakan.

Pada majlis yang sama, Dr Mahathir menyatakan mengenai penubuhan jawatankausa untuk meneliti dan membentuk Manifesto BN. Dalam hal ini BN memberi gambaran bahawa manifestonya akan tetap dengan matlamat mempertahankan kedaulatan Malaysia dan merealisasikan wawasan untuk Malaysia. Jelas, pihaknya tidak menghadapi sebarang masalah menyediakan kandungan manifesto dengan rekod yang sudah ditunjukkan. Tambahan pula, selama ini mereka juga mempunyai kelebihan kerana kedudukannya menguasai kebanyakan kerajaan negeri dan kerusi Parlimen kecuali Kelantan.

Untuk meyakinkan pengundi menerusi manifestonya, BN mungkin tidak menghadapi masalah. Ini disebabkan manifesto pilihan raya yang lalu dapat digabungkan dengan dasar-dasar kerajaan yang boleh diterjemahkan ke dalam bentuk pelan tindakan. Dengan perkataan lain ia direalisasikan melalui program. Realitinya, usaha BN menterjemahkannya ke dalam bentuk program mudah diterima kerana ia jelas dapat dilihat sebagai bukti. Selain itu biasanya ia juga dijadikan sebagai rujukan yang konkrit untuk manifesto kemudiannya.

Manifesto BN dapat diramal dengan mudah kerana biasanya ia akan memberi tumpuan kepada soal kemasyarakatan yang lebih bersifat pembangunan bagi mempertingkatkan taraf hidup. Di samping itu ada kemungkinan besar satu pernyataan mengenai pembangunan generasi, turut diberi penekanan. Mungkin isu kesinambungan diberi fokus sebagai persediaan menghadapi cabaran alaf baru. Dalam amalannya, pihak BN akan cuba mengadun serta mengimbangi pembangunan yang dirancang berpandukan Perlembagaan Malaysia. Ini termasuk soal pendidikan, aktiviti ekonomi, perkara yang berkaitan pekerjaan,

industri, pertanian dan sebagainya serta keselamatan.

Bahasa yang akan digunakan biasanya mudah dan jitu. Ia dibuat sedemikian rupa agar pemahamannya dibuat dengan mudah. Di samping itu, ia juga akan mengelak daripada menggunakan konsep yang kompleks dan sukar difahami.

Dalam pada itu pendekatan yang diambil lebih bersifat pragmatis dan realistik supaya dapat diterjemahkan secara konkrit.

Berbalik kepada manifesto yang dilancarkan oleh kumpulan pembangkang yang sudah terbentuk sebagai pakatan elektoral, ia dapat dianggap sebagai persetujuan bersama. Pada majlis pelancaran itu, Timbalan Pengerusi Keadilan, Dr Chandra Muzafar adalah jurucakap mewakili keempat parti berkenaan.

Dari satu aspek, pelancaran dibuat mungkin dengan harapannya atau jangkaan pilihan raya akan diadakan tahun ini. Tetapi bagaimana sekiranya ia diadakan pada tahun depan? Sekiranya ini berlaku, besar kemungkinan BN akan membuat 'serangan balas' terhadap manifesto mereka. Entah apa strategi yang diambil oleh pembangkang.

Dalam manifesto mereka, tidak disebut matlamat untuk menafikan majoriti 2/3 BN, tetapi ia lebih kepada harapan untuk menubuhkan kerajaan. Apakah ini juga dianggap sebagai strategi untuk 'tenang' pada tahap tertinggi sebagai 'ideal'. Realitinya masih boleh dipertikaikan. Jika dilihat dari segi logistik dan kawasan pada keseluruhan iaitu Semenanjung, Sabah dan Sarawak berapa jumlah kerusi yang akan mereka diperolehi? 50 peratus, 60 peratus, 40 peratus atau berapa? Ini bermakna masing-masing dalam pakatan perlu kepada stamina yang luar biasa untuk mendapatkan jumlah sebanyak itu. Walauapa pun, mungkin maklum balas yang diperolehi dalam majlis-majlis ceramah yang kerap diadakan dijadikan 'bacaan meter' populariti yang meningkat - daripada perisik parti.

Mungkin dalam kaedah 'perang saraf' keyakinan perlu diperlihatkan pada tahap yang tinggi bagi mengabui pihak lawan. Ini sebagai agenda kaedah perang saraf yang dipanggil 'the art of deception' yang mungkin boleh membimbangkan pihak lawan, dan dengan mudah pihak lawan akan terperangkap dalam saingan. Pada masa yang sama pengundi diharapkan akan menyokong pihak yang kelihatan akan menang.

Manifesto BN boleh dianggap sebagai berbentuk Kebangsaan yang mana semua kumpulan diambil kira. Tetapi manifesto parti-parti pembangkang dianggap sebagai lebih bersifat 'ideological'.

Dalam hal ini, sejauh mana pula pendapat yang mengatakan bahawa 'zaman ideological sudah berlaku'. Di Malaysia sejauh mana konstruk politik yang berbentuk ideologi dapat diterima, masih boleh dibahas. Ia mungkin dianggap sebagai sesuatu yang kompleks dan sukar direalisasikan. Bukanlah menjadi kesalahan untuk mengemukakan perkara yang bersifat sejagat, tetapi untuk menterjemahkan kemudian ke dalam bentuk program, mungkin bermasalah.

Sejarah perkembangan masyarakat Malaysia yang berasaskan kepada ciri-ciri berbilang kaum, agama dan wilayah serta variasi budaya hidup masih bersifat heterogen adalah satu hakikat. Tetapi matlamat 'sama rata-sama rasa' seperti yang dilaung-laungkan oleh pembangkang bukan sesuatu yang realistik. Parti Komunis Malaya (PKM) umpamanya dan Sarawak juga cuba mengetengahkan ideologi komunisme yang menekankan hak sama rata, adil, pengagihan saksama dan sebagainya.

Tetapi mereka tetap tidak dapat sokongan. Begitu juga dengan negara-negara yang cuba mengadakan sosialisme dan Islam umpamanya seperti di sesetengah negara Afrika Utara dan Arab, mereka juga gagal dari segi perlaksanaannya. Sebaliknya bukan sosialisme yang beroperasi tetapi sifat 'kuku besi' yang muncul. Malah, di zaman Sukarno (1960-an) pernah diusahakan pengabungan nasionalisme, agama dan komunisme atau NASAKOM tetapi usaha itu juga gagal. Ia tidak dapat diterjemahkan ke dalam program yang realistik. Apa yang berlaku sebaliknya keadaan politik menjadi gawat

dan tidak menentu. Akhirnya Indonesia hampir-hampir dikuasai Parti Komunis Indonesia atau PKI.

Apa yang disebutkan itu adalah contoh dan kemungkinan yang dapat dilihat berlaku. Jelasnya, ideologi di peringkat idealisme sememangnya dilihat 'cantik' dan menarik tetapi praktisnya masih tidak boleh dijamin.

Dalam pakatan elektoral antara Pas, DAP, PRM dan Keadilan ia boleh dianggap mempunyai ideologi yang berbeza. Bagi Pas yang berpegang kepada konsep negara Islam, dan mungkin bersift 'theocratic' dan DAP pula dengan Malaysian Malaysia yang berteraskan sosialisme dari segi ideologinya. Manakala PRM, sejak awal penubuhannya tetap dengan ideologi sosialisme. Di sini PRM dan DAP mungkin ada persamaan ideologi tetapi penyokong masing-masing masih berpuak-puak Melayu dan yang bukan Melayu. Sementara Keadilan, parti yang baru muncul, sesudah kes Datuk Seri Anwar Ibrahim di mahkamah, masih samar-samar dari segi pegangannya. Mungkin kerana pembelaan ke atas Anwar atau mungkin kerana perasaan 'marah' terhadap pemimpin kerajaan.

Oleh itu, manifesto mereka dapat dianggap 'persetujuan bersama' antara keempat-empat parti itu, sebagai jalan keluar supaya dapat satu gabungan 'direalisasikan'. Dalam hal ini Pas yang selama ini berpegang kepada konsep negara Islam, dalam pengakuan awal untuk bersama dengan pembangkang lain, nampaknya terpaksa memberi laluan kepada ideologi sosialisme. Sebaliknya, DAP disebabkan kerana masalah dalaman yang tidak mahu dilihat oleh orang lain mungkin terpaksa akur kepada 'harapan' kemungkinan untuk menubuhkan kerajaan. Pada hal DAP sebenarnya tahu dan percaya mereka hanya mampu berharap untuk menidakkan BN daripada majoriti 2/3 saja, bukan membentuk kerajaan. Dalam hal ini DAP lebih realistik, kerana mereka tahu secara logik adalah tidak mungkin untuk menubuhkan kerajaan. Manakala Keadilan dan PRM pula memerlukan Pas dan DAP sebagai strategi memperlihatkan adanya kekuatan.

Apabila kes Anwar di peringkat awal menjadi isu hangat, Pas dan DAP 'melompat' untuk sama-sama merasai dan mengambil kesempatan daripada peluang terbaik melakukan konfrontasi terhadap kerajaan pimpinan BN. Malah isu hangat itu dilihat sebagai peluang keemasan untuk sama-sama 'kemekkan' fizikal BN dan dengan harapan BN akan dimasukkan ke dalam 'bengkel' untuk dibaiki.

Manifesto pembangkang, dari satu sudut boleh dianggap sebagai maklum balas kepada program yang dilakukan oleh kerajaan BN. Tetapi manifesto itu masih tidak mengungkap sebuah sistem yang berbeza daripada amalan yang sedia ada. Dengan perkataan lain, manifesto pembangkang seolah-olah mengakui bahawa sistem yang ada sekarang masih boleh beroperasi. Jelasnya apa yang hendak dinyatakan ialah tidak ada perubahan yang boleh dianggap 'baru' dan lain daripada apa yang ada sekarang.

Pada keseluruhannya dalam perang manifesto, Pas mungkin akan mengadakan manifesto yang lain untuk Kelantan dan kawasan-kawasan majoriti Melayu di Semenanjung. Begitu juga dengan DAP, adakah mungkin pihaknya mengadakan manifesto khusus untuk Pulau Pinang. Malah manifesto dan rancangan 'Tanjung' masih dalam agendanya.

Profesor Madya Datuk Mahadzir Mohd Khir ialah pensyarah Universiti Malaya.

(END)